



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA



# Identiti Korporat

*Corporate Identity*



Rakyat didahulukan, Pencapaian diutamakan



**MICoID**

**Malaysia Corporate Identity**



# **RINGKASAN MENGENAI NOMBOR IDENTITI KORPORAT MALAYSIA (MyCoID)**

## **APAKAH MyCoID?**

1. Nombor Identiti Korporat Malaysia atau nama ringkasnya MyCoID merujuk kepada nombor pemerbadanan syarikat yang digunakan sebagai satu nombor rujukan tunggal untuk pelbagai urusan pendaftaran dan transaksi dengan agensi Kerajaan yang berkenaan. Dengan adanya MyCoID, komuniti korporat kini hanya perlu menggunakan satu nombor iaitu nombor pemerbadanan syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bagi urusan pendaftaran, rujukan dan transaksi dengan agensi berikut:

- (i) Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN);
- (ii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- (iii) Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB);
- (iv) Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO); dan
- (v) Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp. Malaysia)

## **A BRIEF ON THE MALAYSIA CORPORATE IDENTITY NUMBER (MyCoID)**

### **WHAT IS MyCoID?**


1. The Malaysia Corporate Identity Number or its acronym, MyCoID refers to the company incorporation number which is used as a single source of reference for registration and transaction purposes with other relevant Government agencies. With the MyCoID, the public can utilize a single series of number derived from the incorporation number assigned by the Companies Commission of Malaysia (SSM) for registration, reference and transaction purposes in the following:

- (i) The Inland Revenue Board (IRB);
- (ii) Employees Provident Fund (EPF);
- (iii) Human Resources Development Fund (HRDF);
- (iv) Social Security Organization (SOCSSO); and
- (v) Small and Medium Enterprise Corporation Malaysia (SME Corp. Malaysia)

- MyCoID akan menggantikan penggunaan pelbagai nombor yang dikeluarkan oleh agensi berkenaan secara berperingkat bagi urusan yang melibatkan komuniti korporat dan rujukan dalaman agensi. Dinamik MyCoID ini dapat diterangkan dengan lebih lanjut seperti berikut:
- The MyCoID concept effectively phases out and eliminates the various serial numbers assigned by such agencies for the purpose of public dealings and internal references. The dynamics of the MyCoID concept is further illustrated below:

Pemerbadanan syarikat di SSM  
Incorporation of company with SSM

Penggunaan nombor rujukan yang sama untuk permohonan dengan agensi yang berkenaan  
Multiple application of the same number at various agencies



3. Projek MyCoID ini melibatkan dua fasa:
- (i) Fasa I: Penggunaan nombor pemerbadanan syarikat sebagai sumber rujukan tunggal, pendaftaran dan transaksi oleh agensi Kerajaan dan Kementerian yang berkenaan; dan
  - (ii) Fasa II: Pembangunan sistem untuk penyaluran data secara automatik bagi tujuan pendaftaran dengan agensi Kerajaan yang berkenaan serentak dengan pemerbadanan syarikat.

4. Fasa pertama MyCoID melibatkan penggunaan satu identiti korporat bagi perkhidmatan yang disediakan oleh agensi berikut:

3. The MyCoID project comprises of two phases:

- (i) Phase I : The usage of company incorporation number as a single source for reference, registrations and transactions by relevant Ministries and Government agencies; and
- (ii) Phase II : The development of a system to enable automatic population of data for simultaneous registration with the relevant Government agencies upon incorporation.

4. Phase one of MyCoID sees the application of a single corporate identity number by the following agencies and their respective services:

Agensi Agencies	Perkhidmatan Services
	<p>15 perkhidmatan melibatkan pendaftaran dan pertanyaan seperti berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran majikan</li> <li>• Pertanyaan akaun majikan – umum</li> <li>• Pindaan maklumat majikan</li> <li>• Pelarasan akaun majikan</li> <li>• Pengesahan bayaran caruman</li> <li>• Permintaan penyata caruman majikan</li> <li>• Pengembalian kepada majikan bagi caruman tersalah/terlebih bayar</li> <li>• Aduan majikan</li> <li>• Pertanyaan status bayaran ansuran caruman/faedah/dividen</li> <li>• Pertanyaan status caruman tanpa maklumat lengkap</li> <li>• Pertanyaan status kes pendakwaan</li> <li>• Pertanyaan status perintah mahkamah</li> <li>• Pertanyaan status aduan majikan</li> <li>• Pertanyaan status permohonan bayaran caruman secara elektronik</li> <li>• Pendaftaran T-PIN</li> </ul> <p>15 services comprising of registrations and enquiries, the details of which are as follows:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Employers' registration</li> <li>• Employers' account enquiry – General</li> <li>• Amendments for employers' information</li> <li>• Employers' account adjustment</li> <li>• Contribution of payment confirmation</li> <li>• Application for employers' contribution statement</li> <li>• Refund for overpayment/erroneous payment</li> <li>• Employers' complaints</li> <li>• Enquiry for the status of payment installment for contribution/interest/dividend</li> <li>• Enquiry on the status of contribution without complete information</li> <li>• Enquiry on the status of prosecutions</li> <li>• Enquiry on the status of Court order</li> <li>• Enquiry on the status of employers' complaints</li> <li>• Enquiry on the status of electronic application for the payment of contributions</li> <li>• Registration of T-PIN</li> </ul>

Agensi Agencies	Perkhidmatan Services	
	<p>6 perkhidmatan melibatkan pendaftaran, pertanyaan, semakan dan taksiran:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran fail syarikat - manual/e-daftar</li> <li>• Pengeluaran borang cukai pendapatan</li> <li>• Penerimaan borang</li> <li>• Taksiran formal</li> <li>• Pengeluaran borang cukai pendapatan syarikat petroleum</li> <li>• Pusat Khidmat Pelanggan/kaunter setempat</li> </ul>	<p>6 services comprising of registrations, enquiries, revisions and assessments</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Registration of company's file – manual/e-registration</li> <li>• Generation of income tax form</li> <li>• Acceptance of income tax form</li> <li>• Acceptance of formal assessment</li> <li>• Generation of income tax form for petroleum companies</li> <li>• Customer service centre/one-stop centre</li> </ul>
	<p>10 perkhidmatan melibatkan pendaftaran pekerja, pertanyaan dan kemaskini maklumat pekerja:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran majikan</li> <li>• Pertanyaan penyata caruman majikan</li> <li>• Terimaan caruman majikan di kaunter</li> <li>• Pertanyaan faedah caruman lewat bayar</li> <li>• Terimaan faedah caruman lewat bayar</li> <li>• Pertanyaan status majikan</li> <li>• Kemaskini maklumat majikan</li> <li>• Pertanyaan maklumat majikan melalui telefon</li> <li>• Permohonan pemberhentian majikan</li> <li>• Terima borang tuntutan laporan kemalangan</li> </ul>	<p>10 services comprising of registration of employers, enquiries and updating of employers' information</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Registration of employers</li> <li>• Inquiry on employers' contribution statement</li> <li>• Acceptance of employers' contributions at the counter</li> <li>• Enquiry on late contribution interest</li> <li>• Acceptance of late contribution interest</li> <li>• Enquiry on the status of employers</li> <li>• Updating of employers' information</li> <li>• Enquiry on employers' information via telephone</li> <li>• Application for the termination of employers</li> <li>• Acceptance of accidents claim application form</li> </ul>
	<p>6 perkhidmatan melibatkan pendaftaran, permohonan geran, <i>competitive rating</i> dan <i>customer relationship management</i>:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pendaftaran syarikat Enterprise Kecil dan Sederhana (EKS)</li> <li>• SME Competitive Rating for Enhancement (SCORE)</li> <li>• Sistem geran</li> <li>• Semakan status permohonan geran</li> <li>• Senarai syarikat EKS</li> <li>• Customer Relationship Management (CRM)</li> </ul>	<p>6 services comprising of registrations, application for grant, competitive rating and customer relationship management</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Registration of SME companies</li> <li>• SME Competitive Rating for Enhancement – SCORE</li> <li>• Grant system</li> <li>• Enquiry on the status of application for grant</li> <li>• List of SME companies</li> <li>• Customer Relationship Management (CRM)</li> </ul>

## Agensi Agencies



**PEMBANGUNAN SUMBER  
MANUSIA BERHAD,  
MINISTRY OF HUMAN RECOURCES**

## Perkhidmatan Services

22 perkhidmatan melibatkan pendaftaran pekerja, pertanyaan umum dan permohonan geran latihan:

- Pertanyaan umum
- Pertanyaan baki levi, status geran latihan dan status tuntutan geran latihan
- Proses pendaftaran majikan
- Proses permohonan geran latihan bagi semua skim
- Proses tuntutan geran latihan bagi semua skim
- Proses pendaftaran penyedia latihan bagi semua kategori
- Proses pembaharuan penyedia latihan bagi semua kategori
- Proses pendaftaran program latihan bagi semua kategori
- Proses pembaharuan program latihan bagi semua kategori
- Proses permohonan geran latihan bagi Skim Bantuan Latihan (SBL), SBL-Khas dan Skim Latihan Bersama (SBL)
- Proses permohonan bantuan peralatan komputer
- Proses skim latihan dual national
- Membuat bayaran levi secara online
- Perubahan pegawai bertanggungjawab bagi majikan
- Urusan kemaskini permohonan geran latihan bagi skim SBL, SBL-Khas dan SBL
- Proses permohonan tuntutan Skim Perjanjian Latihan (PERLA)
- Menyediakan e-form bagi tuntutan skim SBL, SBL-Khas dan SBL
- Pendaftaran penyedia latihan
- Pendaftaran program latihan bagi skim PROLUS dan SBL-Khas
- Pendaftaran cawangan penyedia latihan
- Pembaharuan sijil penyedia latihan bagi ibu pejabat dan cawangan
- Pembaharuan program latihan bagi skim PROLUS, SBL-Khas dan PERLA
- Proses langganan e-direktori

22 services comprising of registration of employers, general enquiries and the application of training grant

- General enquiries – balance of levy, status of training grant and status of training grant claims.
- Employers' registration process
- Application for training grant for all schemes
- Claims for training grant for all schemes
- Registration of training provider for all categories
- Renewal of training providers for all categories
- Registration of training programmes for all categories
- Renewal of the training programme for all categories
- Application for training grants for SBL, SBL-Khas and SLB
- Application for computer equipment subsidy
- Dual-national training scheme
- Online levy payment
- Change of designated officer for employer
- Updating of the application for the training grants for Skim Bantuan Latihan (SBL), SBL-Khas and SLB (Skim Latihan Bersama) schemes
- Application for PERLA schemes claim
- e-Form for SBL, SBL-Khas and SLB claims
- Registration of training providers
- Registration of training programmes for Skim (Program Latihan yang diluluskan)PROLUS and SBL-Khas schemes
- Registration of the training providers' branches
- Renewal of training providers' certificates for HQ and branches
- Renewal of the training programme for PROLUS, SBL-Khas and Skim Perjanjian Latihan (PERLA) schemes
- e-Directory subscription

# LATAR BELAKANG PEMBANGUNAN MyCoID

5. Pembangunan MyCoID bermula dengan cetusan idea oleh Pasukan Pemudah Khas Pemudahcara Perniagaan (PEMUDAH) yang ditubuhkan untuk mengatasi isu birokrasi yang wujud dalam urusan perniagaan dengan Kerajaan. PEMUDAH telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi pada Januari 2007. Satu pasukan khas yang diketuai oleh Kementerian Kewangan telah ditubuhkan untuk mengkaji pelbagai aspek dari segi teknikal, perundangan, polisi, sistem, dan proses kerja ke arah merealisasikan konsep MyCoID. Pasukan ini dianggotai oleh SSM, PEMUDAH, Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dan Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.
6. Persetujuan telah dicapai untuk menggunakan nombor pemerbadanan syarikat yang dikeluarkan SSM sebagai nombor rujukan MyCoID oleh kerana nombor syarikat adalah unik untuk setiap syarikat yang diperbadankan di Malaysia. Setiap nombor pemerbadanan syarikat memberikan identiti kepada syarikat. Justeru, ia boleh digunakan untuk pelbagai transaksi dan rujukan dengan agensi Kerajaan.
7. Buat masa ini, MyCoID telah digunakan oleh agensi seperti LHDN, KWSP, PSMB, PERKESO dan SME Corp. Malaysia. Penggunaan MyCoID akan diperluaskan ke lain-lain Kementerian dan agensi Kerajaan yang berkaitan termasuk Jabatan Kastam DiRaja Malaysia.

## BACKGROUND ON THE DEVELOPMENT OF MyCoID

5. The development of MyCoID started upon the idea for a single and unified reference number mooted by the Government's Special Task Force to Facilitate Business (PEMUDAH), a high-powered taskforce to address bureaucracy in business-government dealings introduced by the then Prime Minister, Tun Abdullah Hj Ahmad Badawi in January 2007. A task force headed by the Ministry of Finance was formed which comprised of SSM, PEMUDAH, Inland Revenue Board (IRB), Employee's Provident Fund (EPF), Human Resources Development Fund (HRDF), Social Security Organization (SOCSO) and the Royal Malaysian Customs Department to look into the various aspects of technical, legal, policy, system and work processes towards realizing the MyCoID concept.
6. It was later agreed that the company incorporation number assigned by SSM represents the most suitable candidate for MyCoID. This is because the company number is unique to each company incorporated in Malaysia. The identity of each company as such can be universally represented by its incorporation number which can be used for multiple transactions and reference with various Government agencies.
7. Currently, the MyCoID is used by agencies such as the IRB, EPF, HRDF, SOCSO and SME Corp. Malaysia. The usage of MyCoID will later be expanded to other relevant Ministries and Government agencies including the Royal Malaysian Customs Department.



# FAEDAH PENGGUNAAN MyCoID

8. Faedah penggunaan MyCoID adalah seperti berikut::

- (a) Memudahkan orang awam terutama komuniti korporat dan perniagaan.

Melalui penggunaan MyCoID, orang awam tidak lagi dibebani dengan nombor rujukan yang berlainan yang dikeluarkan oleh agensi yang berbeza.

- (b) Mempertingkatkan keberkesanan transaksi di antara orang awam dengan agensi Kerajaan yang berkaitan.

Penggunaan MyCoID akan mengurangkan masa rujuk silang (cross-reference) sesama agensi Kerajaan dan mempercepatkan transaksi orang awam dengan Kerajaan. Keberkesanan ini dapat mengurangkan kos dan meningkatkan produktiviti.

- (c) Mempertingkatkan interaksi antara agensi.

MyCoID dapat membantu meningkatkan tahap interaksi di antara agensi Kerajaan terutamanya dalam pengesahan data, input data, kemaskini data, pertukaran maklumat dan penguatkuasaan.

- (d) Komponen utama dan penting dalam pembangunan sistem automatik yang membolehkan sesebuah syarikat mendaftar serentak dengan agensi yang berkaitan selepas ia ditubuhkan.

Penggunaan MyCoID akan dijadikan asas pembuka jalan kepada pembaharuan proses pendaftaran syarikat dengan agensi yang berkaitan di Malaysia. Fasa kedua MyCoID, Kerajaan bersama SSM selaku peneraju akan membawa penggunaan MyCoID menjangkau penggunaan asal nombor syarikat.

MyCoID mampu mencapai potensi terbaik melalui penggabungan proses permerbadanan syarikat dan pendaftaran dengan agensi berkenaan menerusi sistem automatik yang akan dibangunkan. Melalui sistem yang dibangunkan ini, urusan pendaftaran dengan pelbagai agensi Kerajaan boleh dilakukan secara *one touch point*. Fasa kedua MyCoID akan memberi impak strategik kepada suasana perniagaan domestik dan negara secara keseluruhan sebagai destinasi perniagaan antarabangsa.

- (e) Mempertingkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam persekitaran korporat negara menjelang abad ke 21.

MyCoID bersedia mencorak hala tuju dunia perniagaan masa hadapan di Malaysia berdasarkan konsep mudah, cepat dan berkesan dengan ICT sebagai pemangkin.

9. Projek MyCoID juga konsisten dengan konsep 1Malaysia yang dicetuskan oleh Y.A.B. Perdana Menteri bagi memudahkan rakyat dan mempertingkatkan prestasi sistem penyampaian perkhidmatan awam.

## THE BENEFITS OF MyCoID

8. The benefits of MyCoID are:

- (a) Facilitates the Rakyat (members of the public) especially the corporate and business community.

Through the usage of a single corporate identity number for multiple transactions with the Government, the Rakyat will no longer be burdened with several different reference number by different agencies.

- (b) Enhances the efficiency of transactions between the Rakyat and the relevant Government agencies.

The usage of a single reference number will reduce the time taken for Government agencies to do cross-referencing, thus enabling Rakyat-Government transactions to be carried out more expeditiously. The increase of efficiency would ultimately translate into the reduction of costs and increase of productivity.

- (c) Enhances inter-agency interactions.

The MyCoID will facilitate and enhance the interactions between all Government agencies for the purpose of data verification, data input, data updating, information exchange as well as enforcement.

- (d) Serves as vital and basic component towards the development of a fully automated system which enables a company to simultaneously register with the relevant agencies upon incorporation.

The usage of a single corporate identity number serves as a foundation and paves the way towards revolutionizing the company registration processes with the relevant agencies in Malaysia. In Phase 2 of the MyCoID, the Government with SSM as the lead agency will enhance the existing concept beyond mere usage of a single corporate identity number. The potential of MyCoID will be maximized towards consolidating the process of incorporation in SSM and registration with the relevant agencies via automated system to be developed. Incorporation of a company and registration with the relevant agencies will be able to be carried out in a single touch point. The development of Phase 2 of the MyCoID possesses strategic implication to the domestic business environment and the country as a whole as an international business destination.

- (e) Elevates the national corporate and public service delivery system in the 21st century corporate environment.

The MyCoID is set to shape the future trend of carrying out business in Malaysia which is based on the concept of facilitative, speed and efficiency with ICT being the catalyst.

9. The MyCoID project is also consistent with the 1Malaysia concept propounded by the Honourable Prime Minister which emphasizes on facilitating the Rakyat and high performance of the public service delivery system.

# PELANCARAN MyCoID

10. MyCoID akan dilancarkan oleh Perdana Menteri, Y.A.B. Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak, di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya pada 11 Februari 2010. Majlis pelancaran MyCoID akan dihadiri oleh 2,000 tetamu terdiri daripada ahli-ahli Kabinet Malaysia, ketua serta pegawai tertinggi dari agensi-agensi Kerajaan, badan berkanun, wakil-wakil dari badan profesional, dewan perniagaan, peneraju industri dan wakil-wakil dari sektor korporat dan perniagaan.
11. Logo rasmi MyCoID akan diperkenalkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri semasa majlis pelancaran. Slogan untuk MyCoID adalah:

**'1 Identiti Korporat'**

## LAUNCHING OF THE MyCoID

10. The MyCoID will be launched by the Honourable Prime Minister, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Haji Abdul Razak at the Putrajaya International Convention Centre on 11 February 2010. The MyCoID launching ceremony will be attended by approximately 2,000 invitees comprising of the Malaysian cabinet members, heads and senior representatives of various Government agencies, statutory bodies, representatives from the professional bodies, chambers of commerce, industry leaders and representatives from the corporate and business sector.
11. The official logo for MyCoID will be unveiled by the Honourable Prime Minister during the launching ceremony. The tagline for MyCoID is:

**'1 Corporate Identity'**

# AGENSI YANG TERLIBAT DALAM FASA PERTAMA MyCoID

- (1) SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (SSM)
- (2) LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI (LHDN)
- (3) PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA BERHAD (PSMB)
- (4) KUMPULAN WANG SIMPANAN PEKERJA (KWSP)
- (5) PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)
- (6) PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)



## AGENCIES INVOLVED IN THE FIRST PHASE OF MyCoID

- (1) COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA (SSM)
- (2) INLAND REVENUE BOARD (IRB)
- (3) HUMAN RESOURCES DEVELOPMENT COUNCIL (HRDC)
- (4) EMPLOYEES' PROVIDENT FUND (EPF)
- (5) SOCIAL SECURITY ORGANISATION (SOCSO)
- (6) SMALL AND MEDIUM ENTERPRISE CORPORATION MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

## Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) merupakan badan berkanun yang mengawal selia syarikat dan perniagaan. SSM yang mula beroperasi pada 16 April 2002, merupakan badan berkanun yang terbentuk hasil daripada penggabungan Pejabat Pendaftar Syarikat (ROC) dengan Pejabat Pendaftar Perniagaan (ROB) di Malaysia.

Aktiviti utama SSM adalah sebagai sebuah agensi pemerbadanan syarikat dan pendaftaran perniagaan di samping membekalkan maklumat syarikat dan perniagaan kepada awam. Sebagai peneraju utama ke arah peningkatan tahap tadbir urus korporat, SSM melaksanakan fungsi mengawal selia pematuhan perundangan korporat dan pendaftaran perniagaan melalui aktiviti penguatkuasaan dan pemantauan yang komprehensif bagi memastikan perkembangan positif sektor korporat dan perniagaan negara.

The Companies Commission of Malaysia (SSM) is a statutory body which regulates companies and businesses. SSM came into operation on 16 April 2002, as a result of a merger between the Registrar of Companies (ROC) and the Registrar of Businesses (ROB) in Malaysia.

The main activity of SSM is to serve as an agency to incorporate companies and register businesses as well as to provide company and business information to the public. As the leading authority for the improvement of corporate governance, SSM fulfils its function to ensure compliance with business registration and corporate legislation through comprehensive enforcement and monitoring activities to sustain positive developments in the corporate and business sectors of the nation.

## Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

Kumpulan Wang Simpanan Pekerja adalah dana pencen terulung di Malaysia yang menyediakan jaminan asas kewangan bagi persaraan. KWSP sentiasa komited dalam menjamin dan meningkatkan simpanan ahlinya melalui amalan terbaik pelaburan dan tadbir urus korporat. Langkah berhemah sentiasa menjadi panduan dalam setiap keputusan pelaburannya.

Sebagai sebuah organisasi yang berfokuskan pelanggan, KWSP memberikan perkhidmatan yang cekap dan berkesan untuk keselesaan ahli dan majikan berdaftar.

KWSP akan terus memainkan peranannya sebagai pemangkin kepada pembangunan ekonomi negara, selaras dengan kedudukannya sebagai institusi simpanan terkemuka di Malaysia.

The Employees Provident Fund (EPF) is Malaysia's premier pension fund, providing basic financial security for retirement. The Fund is committed to preserving and growing the savings of its members in accordance with best practices in investment and corporate governance. It will always be guided by prudence in its investment decisions.

As a customer-focused organization, the EPF delivers efficient and reliable services for the convenience of its members and registered employers.

The EPF continues to play a catalytic role in the nation's economic growth, consistent with its position as a leading savings institution in Malaysia.



## Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB)

Dalam usaha untuk mencapai status Negara Maju pada tahun 2020, penekanan harus diberikan kepada usaha latihan semula dan peningkatan kemahiran pekerja. Kerajaan telah menubuhkan Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia (KWPSM) yang dikendalikan oleh Majlis Pembangunan Sumber Manusia (MPSM) di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia 1992 untuk membantu meningkatkan kemahiran pekerja di sektor swasta. Selaras dengan usaha pengkorporatan syarikat pada tahun 2001 melalui Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001, MPSM telah dikenali sebagai Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).

Objektif utama PSMB ialah menggalakkan majikan yang diliputi di bawah Akta Pembangunan Sumber Manusia Berhad 2001, melatih semula dan meningkatkan kemahiran pekerja, perantis dan pelatih mereka selari dengan keperluan syarikat dan strategi pembangunan negara.

Layari [www.hrdf.com.my](http://www.hrdf.com.my) untuk maklumat lanjut mengenai perkhidmatan yang disediakan oleh PSMB.

*In the quest to attain the status of a Developed Country by the year 2020, greater emphasis must be given to the retraining and skills upgrading of the workforce. The government has established the Human Resources Development Fund (HRDF) managed by Human Resources Development Council (HRDC) in 1993 under the Human Resources Development Act 1992 to facilitate the skills upgrading of the workforce in the private sector. In line with the corporatisation exercise in 2001 vide the Pembangunan Sumber Manusia Berhad Act 2001, the HRDC has since been known as Pembangunan Sumber Manusia Berhad (PSMB).*

The main objective of PSMB is to encourage employers covered under the Pembangunan Sumber Manusia Act, 2001 to retrain and upgrade the skills of their employees, apprentices and trainees in line with their business' needs and the development strategy of the country.

Visit [www.hrdf.com.my](http://www.hrdf.com.my) for more information on services provided by PSMB.



## Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) adalah salah satu agensi utama di bawah Kementerian Kewangan Malaysia yang menjalankan fungsi memungut hasil negara.

Jabatan Hasil Dalam Negeri Malaysia diperbadankan pada 1hb Mac 1996 dan dikenali sebagai Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Lembaga Hasil Dalam Negeri ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia 1995 untuk memperolehi lebih kuasa terutamanya dalam bidang kewangan dan pengurusan kakitangan bagi meningkatkan kualiti pentadbiran percukaian.

*The Inland Revenue Board of Malaysia (IRBM) is one of the main revenue collecting agencies of the Ministry of Finance.*

*The Department of Inland Revenue Malaysia became a board on March 1, 1996, and is now known as IRBM.*

*IRBM was established in accordance with the Inland Revenue Board of Malaysia Act 1995 to give it more autonomy especially in financial and personnel management as well as to improve the quality and effectiveness of tax administration.*



## Pertubuhan Keselamatan Sosial

Pertubuhan Keselamatan Sosial atau ringkasnya PERKESO telah ditubuhkan pada tahun 1971. Peranan utama penubuhan ialah untuk melaksana, mentadbir dan menguatkuasa Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 dan Peraturan-peraturan (Am) Keselamatan Sosial Pekerja, 1971. Perlindungan yang diberikan oleh PERKESO meliputi rawatan perubatan, bayaran tunai, bekalan anggota palsu dan juga rawatan pemulihan. Bagi memudahkan pekerja mendapatkan maklumat dan membuat tuntutan, PERKESO telah membuka 45 pejabat tempatan di seluruh Negara. Dengan kerjasama yang baik dari pekerja dan majikan, PERKESO dapat memastikan perlindungan dan perkhidmatan yang terbaik untuk mereka.

The Social Security Organisation (SOCSO) was set up in 1971 to implement, administer and enforce the Employees' Social Security Act, 1969 and the Employees' Social Security (General) Regulations, 1971. SOCSO gives protection which covers medical care, cash benefits, provision of artificial aids, rehabilitation programmes, and many others. SOCSO has established 45 branches throughout Malaysia to facilitate the provision of information and processing of claims by employees and has ensured universal coverage of employees through the principle of co-operation with employees and employers.



## SME Corp. Malaysia

Perbadanan Perusahaan Kecil dan Sederhana (SME Corp. Malaysia) telah ditubuhkan pada 2 Oktober 2009 menggantikan Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC).

Sebagai Agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan untuk merangka keseluruhan dasar dan strategi untuk PKS serta menyelaras program yang dilaksanakan oleh Kementerian dan Agensi, SME Corp. Malaysia turut berperanan sebagai sumber rujukan setempat berkaitan untuk mendapatkan maklumat dan khidmat nasihat bagi PKS di Malaysia.

Visi SME Corp. Malaysia adalah untuk menjadi organisasi utama bagi pembangunan PKS yang progresif untuk meningkatkan kemakmuran dan kesejahteraan negara. Misi organisasi ini bertujuan menggalakkan pembangunan PKS yang berdaya saing, berinovasi serta berdaya tahan melalui penyelarasan dan penyediaan khidmat sokongan perniagaan yang efektif.

SME Corp. Malaysia juga berfungsi untuk menguruskan data dan menyebarkan maklumat dan kaji selidik mengenai PKS, selain menyediakan khidmat sokongan perniagaan dan berperanan sebagai Sekretariat kepada Majlis Pembangunan PKS Kebangsaan (MPPK).

SME Corporation Malaysia was established under the Small and Medium Enterprises Corporation Malaysia Act 1995 [ACT 539] on the 2nd October 2009. It was formerly known as the Small and Medium Industries Development Corporation (SMIDEC).

SME Corp assumes the task as the single dedicated agency to formulate overall policies and strategies for SMEs and to coordinate programmes across all related Ministries and Agencies. SME Corp also focuses as the central point of reference for information and advisory services for all SMEs in Malaysia.

Our vision is to be the premier organization for the development of progressive SMEs to enhance wealth creation and social well-being of the nation, with a mission to promote the development of competitive, innovative and resilient SMEs through effective coordination and provision of business support.

Among the functions of SME Corp are to coordinate SME policies and programmes, to provide advisory and information, as well as to manage data and dissemination of information & research on SMEs. SME Corp also provides business support for SMEs and also assumes the role of the Secretariat to the National SME Development Council (NSDC).

**MyCoID**

**Malaysia Corporate Identity**